

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 DISEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1042850/perjanjian-tambahan-projek-ecrl-ditandatangani-2-jun-lalu-babitkan>

Perjanjian tambahan projek ECRL ditandatangani 2 Jun lalu, babitkan kos RM50.27 bil



RM50.27 bilion adalah kos akhir yang dimuktamadkan Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi projek ECRL selepas semua isu selesai dan rundingan dijalankan. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menjelaskan, Perjanjian Tambahan 6 (SA6) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ditandatangani pada 2 Jun lalu bagi membolehkan projek itu diteruskan dengan pakej terakhir membabitkan rel sepanjang 665 kilometer dengan kos RM50.27 bilion.

Beliau berkata, perjanjian itu membabitkan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) dengan projek ECRL diteruskan termasuk bagi jambatan darat yang menghubungkan kawasan pelabuhan Northport dan Westport.

"Secara ringkasnya, RM50.27 bilion adalah kos akhir yang dimuktamadkan Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi projek ECRL selepas semua isu selesai dan rundingan dijalankan.

"Angka RM50.27 bilion ini turut dibentangkan kepada Kabinet pada ketika itu, seterusnya disahkan Kabinet awal tahun ini," katanya dalam satu hantaran di Facebook miliknya, hari ini.



Bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong

Kementerian Pengangkutan hari ini melaporkan penjimatan RM11.01 bilion bagi projek ECRL yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin, membabitkan perbandingan Kos Pembangunan Keseluruhan (TDC) antara projek itu yang dilancarkan pada 2017 (ECRL 1.0) dan projek sedang berjalan pada masa ini (ECRL 3.0).

Katanya, TDC untuk ECRL 1.0 adalah RM85.97 bilion merangkumi kos pembinaan sebanyak RM66.78 bilion dan kos pembangunan lain seperti Faedah Semasa Pembinaan (IDC), pengambilan tanah, pemindahan utiliti dan yuran sambungan serta perbelanjaan mengurus berjumlah RM19.19 bilion.

TDC untuk ECRL 3.0 yang sedang dalam pembinaan kini dianggarkan RM74.96 bilion, membabitkan kos pembinaan yang jauh lebih rendah iaitu RM50.27 bilion, manakala kos pembangunan lain seperti IDC, pengambilan tanah, pemindahan utiliti dan yuran sambungan serta perbelanjaan mengurus, berjumlah RM24.69 bilion

Anwar selepas mesyuarat Kabinet semalam berkata, kerajaan meneruskan projek ECRL dengan pengurangan kos RM11.01 bilion daripada jumlah asal.

Katanya, ada sedikit pertambahan pembiayaan berikutan laluan baharu, namun kos keseluruhan ECRL lebih rendah berbanding kos keseluruhan asal RM85.97 bilion pada 2016.

Ka Siong yang juga Presiden MCA turut menyifatkan komitmen kerajaan untuk meneruskan ECRL sebagai berita positif kepada pelabur dan rakyat khususnya bakal pengguna.

Beliau berkata, pembinaan ECRL adalah mengikut apa yang sudah diputuskan sebelum ini.

"Ketika ini, kemajuan projek adalah kira-kira 37 peratus dan kita semua berharap ia siap mengikut jadual iaitu pada Disember 2026, seterusnya memulakan operasi pada awal 2027," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak dapat mengesahkan kos ECRL pada 2016 sebagaimana disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun, Ka Siong mengesahkan skop kerja terbabit pada masa itu berbeza daripada jajaran sedia ada ketika ini dengan pengurangan ketara dari segi skop kerja pembinaan, walaupun kadar kos seunit kekal sama.

Selain bilangan stesen yang dikurangkan, kerja penambakan tanah pesisir pantai turut dihentikan pada 2019, manakala hentian terakhir bagi ECRL yang diputuskan adalah Kota Bharu, bukannya Pengkalan Kubor.